




مَنْتَرِين قَنْدِيدِيْقِن
نَكَارَا بَرُونِي دَارَالسَلَام

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

GARIS PANDU PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR (FIELD TRIP)

BAGI SEKOLAH/ MAKTAB/ INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI SELURUH NEGARA



*“KESIHATAN DAN KESELAMATAN
TANGGUNGJAWAB BERSAMA”*

BAHAGIAN KESIHATAN, KESELAMATAN,
KAWALAN KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (HSSE),
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN



**GARIS PANDU
PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) :**

**AKTIVITI LAWATAN
SAMBIL BELAJAR (*FIELD TRIP*)
BAGI SEKOLAH / MAKTAB / INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI SELURUH NEGARA**

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENDAHULUAN	1
PENGURUSAN AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR	3
PENILAIAN RISIKO	11
KAWALAN RISIKO	13
RISIKO YANG BERKAITAN DENGAN AKTIVITI	16
PERLINDUNGAN INSURAN DAN KOS PERBELANJAAN	20
PEMERIKSAAN KESIHATAN	22
KEBENARAN IBU BAPA/PENJAGA	24
PENGAWASAN	29
PENGANGKUTAN	33
KEMALANGAN DAN PELAN KECEMASAN	39
SYARIKAT PELANCONGAN	47
PUSAT AKTIVITI LUAR	49
AMALAN-AMALAN BAIK	51
RUJUKAN	53
PENGHARGAAN	54
LAMPIRAN & TEMPLET BORANG	57

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
LAMPIRAN 1 : PENYAKIT-PENYAKIT BERJANGKIT DAN TIDAK BERJANGKIT	58
LAMPIRAN 2 : RISIKO DAN KAWALAN BERKAITAN CUACA DAN IKLIM	64
LAMPIRAN 3 : EKONOMI DAN POLITIK	67
LAMPIRAN 4 : HAIWAN DAN HAIWAN PEROSAK	68
LAMPIRAN 5 : KETERANGAN MENGENAI KURSUS-KURSUS YANG BERKAITAN DENGAN HSSE	75
LAMPIRAN 6 : ISI KANDUNGAN KOTAK <i>FIRST AID</i> YANG DISARANKAN	77
LAMPIRAN 7 : TEMPLET BORANG PERMOHONAN BAGI MENGADAKAN AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR (<i>FIELD TRIP</i>)	78
LAMPIRAN 8 : TEMPLET BORANG PENGESAHAN PENYELARAS AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR (<i>PALSB</i>)	80
LAMPIRAN 9 : TEMPLET PELAN PENGURUSAN KESELAMATAN AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR (<i>FIELD TRIP</i>)	81
LAMPIRAN 10 : TEMPLET MAKLUMAT PERIBADI PESERTA	83
LAMPIRAN 11 : TEMPLET MAKLUMAT KECEMASAN	85
LAMPIRAN 12 : LANGKAH-LANGKAH UNTUK DIIKUTI APABILA MELAKSANAKAN PENILAIAN RISIKO	86
LAMPIRAN 13 : TEMPLET BORANG PELAN TINDAKAN BAGI MENGAWAL SITUASI / BAHAYA	87
LAMPIRAN 14 : TEMPLET BORANG KEBENARAN IBU BAPA / PENJAGA	88
LAMPIRAN 15 : TEMPLET BORANG MAKLUM BALAS AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR	91
AGENSI-AGENSI YANG BERKEPENTINGAN	93
NOMBOR-NOMBOR KECEMASAN	95

Perutusan Menteri Pendidikan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita telah dapat melaksanakan penerbitan “Garis Pandu Prosedur Operasi Standard (SOP) :Aktiviti Lawatan Sambil Belajar (*Field Trip*) Bagi Sekolah / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam”. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu’ Alaihi Wasallam, kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda sekalian.

Kita mengalu-alukan penerbitan buku Garis Pandu SOP Aktiviti Lawatan Sambil Belajar (*Field Trip*) ini yang dihasratkan untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan ke arah memastikan mana-mana lawatan sambil belajar (*field trip*) pelajar dan warga pendidikan yang diadakan di dalam mahupun di luar negara dapat dilaksanakan dengan baik, teratur dan sentiasa dalam keadaan selamat dan selesa bagi semua peserta. Dengan adanya persiapan awal yang sistematik, khususnya langkah dalam melaksana penilaian risiko bagi mana-mana aktiviti yang direncanakan dan membuat perancangan langkah-langkah bersiap-sedia apabila menghadapi sebarang kecemasan ataupun insiden yang di luar dugaan, in shaa Allah dapat menghindari atau mengurangkan apa jua risiko. Mudah-mudahan dengan terlaksananya usaha ini dan dengan diiringi doa, ikhtiar serta tawakkal, segala aktiviti yang dijalankan mendapat berkah, keselamatan serta perlindungan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua.

Adalah difahamkan penerbitan buku Garis Pandu SOP Aktiviti Lawatan Sambil Belajar (*Field Trip*) ini merupakan langkah permulaan bagi penerbitan beberapa lagi buah buku panduan berkaitan dengan pelbagai aspek kesihatan, sekuriti dan keselamatan yang disediakan oleh Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan. Kita penuh berharap Bahagian HSSE akan dapat menubuhkan sebuah sistem kesihatan, sekuriti dan keselamatan berkesan dan membawa impak kepada merubah minda dan sikap warga pendidikan kepada warga yang mengambil perhatian berat terhadap aspek-aspek kesihatan, keselamatan dan sekuriti dan menjadikannya sebagai sebahagian daripada amalan harian dan budaya kerja.

Akhirnya, saya dengan tulus ikhlas sukacita ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada mereka yang terlibat di dalam menyumbangkan buah fikiran dan tenaga dalam sama-sama menjayakan penerbitan buku Garis Pandu Prosedur Operasi Standard (SOP) :Aktiviti Lawatan Sambil Belajar (*Field Trip*) bagi Sekolah / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara ini. Di atas usaha gigih dan sumbangan dalam melaksanakan inisiatif yang sangat berkebakjian ini, sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan mengurniakan rahmat dan memberikan ganjaran pahala yang sebaik-baiknya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

وبالله التوفيق والهدايه، والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA
DATO SERI SETIA HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG
Menteri Pendidikan

Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Segala puji kepada Allah Azza Wajalla, Tuhan Pentadbir Sekalian Alam dan kita panjatkan selawat serta salam kepada Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat dan kerabat Baginda hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua, buku Garis Pandu Prosedur Operasi Standard (SOP) : Aktiviti Lawatan Sambil Belajar (*Field Trip*) bagi Sekolah / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara telah berjaya dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan.



Di kesempatan ini, peramba/kaola/saya sukacita merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, atas usaha, keiktizaman dan keberhasilan jabatan ini khususnya Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) dalam menyediakan buku Garis Pandu Prosedur Operasi Standard (SOP) : Aktiviti Lawatan Sambil Belajar (*Field Trip*) bagi Sekolah / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara edisi tahun 2014.

Kementerian Pendidikan sememangnya komited dalam memastikan kesihatan, keselamatan serta kesejahteraan pendidik, pelajar, dan kakitangannya yang terlibat dalam aktiviti lawatan sambil belajar. Komitmen ini terserlah melalui penerbitan buku garis panduan ini oleh Bahagian HSSE.

Lawatan sambil belajar boleh didefinisikan sebagai sebarang aktiviti yang diadakan di luar persekitaran sekolah, sama ada di dalam atau luar negara. Ia merangkumi aktiviti-aktiviti seperti menghadiri aktiviti sukarelawan dan juga termasuk aktiviti-aktiviti yang melibatkan kajian dan tinjauan.

Dokumen ini disediakan bagi mewujudkan dasar dan prosedur bagi membolehkan tenaga kerja, pendidik, pelajar dan kakitangan lain dapat menjalankan aktiviti lawatan sambil belajar dengan selamat. Oleh hal yang demikian, ke semua pendidik, pelajar dan kakitangan adalah dinasihatkan untuk memahami dan mengaplikasikan mana-mana yang berkenaan, garis panduan yang digariskan di dalam dokumen ini sebelum memulakan aktiviti lawatan sambil belajar.

Akhirnya, peramba / koala / saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, khususnya Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) atas penerbitan buku Garis Pandu Prosedur Operasi Standard (SOP) : Aktiviti Lawatan Sambil Belajar (*Field Trip*) bagi Sekolah / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara ini.

Semoga usaha yang bermanfaat seperti ini akan mendapat hidayah dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Wassalam

(DR. HAJI JUNAIDI BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
Kementerian Pendidikan

Pra-Kata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya maka sebuah buku hasil Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam edisi pertama yang bertajuk, "Garis Pandu Prosedur Operasi Standard (SOP) :Aktiviti Lawatan Sambil Belajar (*Field Trip*) bagi Sekolah / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara" dapat diterbitkan. Penerbitan buku ini menunjukkan sebagai satu usaha murni ke arah menyediakan persekitaran pembelajaran yang sihat dan selamat untuk *stakeholders* Kementerian Pendidikan, selaras dengan visi Kementerian Pendidikan amnya dan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan khususnya.

Penerbitan buku ini melambangkan komitmen padu dan menyeluruh bagi keseluruhan pegawai dan kakitangan di Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan khususnya Bahagian HSSE yang terlibat dalam merangka dasar keselamatan bagi tujuan untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah bebas atau mempunyai risiko bahaya yang sangat rendah.

Buku ini menggariskan metodologi penilaian risiko dan aspek keselamatan yang perlu diambil kira semasa lawatan sambil belajar (*field trip*) dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya bagi memudahkan aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan walaupun di dalam kondisi atau persekitaran yang mencabar khusus bagi Ketua-Ketua Institusi Pengajian Tinggi / Sekolah / Maktab yang bertanggungjawab dalam pembuatan dasar serta Ketua-Ketua Program Lawatan / Aktiviti yang memikul tanggungjawab ke atas aspek kesihatan, keselamatan, dan kesejahteraan pendidik, pelajar dan kakitangan lain semasa aktiviti dijalankan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan berbilang terima kasih kepada pegawai-pegawai, kakitangan dan individu yang telah bekerja keras memberikan sumbangan ide dan terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kerana dapat menghasilkan buku yang amat tinggi nilainya. Semoga sumbangan dan usaha yang diberikan hingga selesai mendapat balasan yang setimpal dan hidayah dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua.

Akhir kata, selain sebagai bahan rujukan, semoga buku garis pandu ini akan dapat memberi kesedaran kepada seluruh warga Kementerian Pendidikan akan pentingnya aspek kesihatan, keselamatan, kawalan keselamatan dan alam sekitar bukan sahaja khusus apabila menjalankan sebarang aktiviti tetapi dalam kehidupan seharian.

Sekian. Wabillahit taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Wassalam

(PENGIRAN HAJI ROSLI BIN PENGIRAN HAJI HALUS)
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan

Kumpulan Penyelidik dan Sidang Editorial

Penasihat

Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus
*Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia Pengiran Shahminan bin Pengiran Haji Md. Salleh
*Mantan Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia Haji Awang Ramli bin Awang Ismail
*Penolong Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*

Ketua

Yang Mulia Pengiran Haji Md Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
*Pegawai Pentadbir Kanan
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*

Setiausaha

Yang Mulia Dayang Nur Amalina binti Haji Sidik
*Unit Kesihatan, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*

Ahli-Ahli

Yang Mulia Awang Haji Hazilan bin Haji Ramli
*Ketua Pejabat Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (OSHE)
Universiti Brunei Darussalam*

Yang Mulia Pengiran Md Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim
*Pegawai Pentadbir Pelatih
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*


Yang Mulia Dayangku Amalina binti Pengiran Haji Kamaludin
*Ketua Unit Kesihatan, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia Awang Haji Hassan bin Haji Shamsuddin
*Ketua Unit Kawalan Keselamatan, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia Pengiran Haji Abd Rahman bin Pengiran Haji Mohammad
*Unit Kawalan Keselamatan, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia Awang Haji Emran bin Haji Ibrahim
*Unit Kawalan Keselamatan, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*

Yang Mulia Awang Bahrin bin Baha
*Unit Pentadbiran, Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan*




PENDAHULUAN

Membawa pelajar ke luar kawasan sekolah meliputi pelbagai aktiviti dari mengawasi pelajar masuk ke dalam bas sewaktu hari persekolahan bagi mengikuti acara/pertandingan sehingga ke aktiviti lawatan sambil belajar (*educational field trip*) ke luar negara.

Syukur Alhamdulillah, sebilangan besar aktiviti-aktiviti lawatan sambil belajar bukan sahaja dapat dilaksanakan dengan sempurna bahkan mencapai objektif-objektif lawatan yang dihasratkan. Sungguhpun demikian, Kementerian Pendidikan dari masa ke semasa akan sentiasa memperkukuhkan aspek-aspek yang berhubungkait dengan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan warga Kementerian Pendidikan termasuk para pelajar. Insiden yang tidak diingini boleh dihindari dengan melaksanakan satu sistem pengurusan yang bersepadu dengan menekankan peri mustahaknya aspek kesihatan dan keselamatan.

Dokumen ini menggariskan aspek kesihatan dan keselamatan yang perlu diambil kira semasa mengadakan aktiviti lawatan sambil belajar dan seterusnya memperlihatkan bahawa sekolah/maktab/institusi pengajian tinggi (IPT) dapat memimpin pelaksanaan aktiviti lawatan sambil belajar dengan selamat melalui perancangan yang rapi.



PENGURUSAN AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR

TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Kementerian Pendidikan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dipraktikkan secara munasabah bagi perkara-perkara berikut :

- Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan warga kerja;
- Kesihatan dan keselamatan pelajar, dan;
- Kesihatan dan keselamatan pelawat seperti ibu bapa, penjaga dan sukarelawan yang terlibat di dalam menjayakan aktiviti lawatan sambil belajar.

TANGGUNGJAWAB WARGA KERJA KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Warga kerja Kementerian Pendidikan hendaklah bersama-sama bertanggungjawab dan mendukung dasar Kementerian Pendidikan di dalam menjamin kesihatan dan keselamatan seperti berikut :-

- Menjaga keselamatan diri sendiri dan kesihatan dan keselamatan orang di sekeliling;
- Memberi kerjasama di dalam hal ehwal keselamatan dan kesihatan;
- Menjalankan dan melaksanakan aktiviti lawatan berdasarkan latihan dan arahan, dan;
- Melaporkan bahaya dan kekurangan yang terdapat di tempat kerja.

TANGGUNGJAWAB SETIAUSAHA TETAP (PENDIDIKAN TERAS) DAN SETIAUSAHA TETAP (PENGAJIAN TINGGI) DAN KETUA-KETUA JABATAN

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) memikul tanggungjawab utama dalam melindungi kesihatan dan keselamatan pendidik, pelajar dan kakitangan Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, mereka boleh membahagikan kuasa dan tanggungjawab tersebut kepada Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) dan Ketua-Ketua Jabatan yang berkenaan bagi menjalankan pemantauan dan pelaksanaan dasar itu.

Kebenaran daripada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras dan/atau Pengajian Tinggi) serta Ketua-Ketua Jabatan hendaklah diperolehi dan dirujuk terlebih dahulu terutama sekali bagi aktiviti lawatan yang melibatkan perjalanan melalui udara, laut dan aktiviti-aktiviti lawatan ke luar negara. Maklumat berikut hendaklah diberikan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) dan/atau Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) apabila menghadapkan permohonan:

- Tujuan, jenis aktiviti, dan jangka masa lawatan;
- Keramaian dan umur pelajar yang terlibat;
- Keramaian kakitangan dan sukarelawan yang terlibat;
- Pengalaman kakitangan, dan;
- Nama dan pengalaman Ketua Program Lawatan/Aktiviti.

Ketua-Ketua Jabatan seterusnya bertanggungjawab dalam memastikan dasar kesihatan dan keselamatan serta cadangan-cadangan yang bersesuaian di Kementerian Pendidikan dipatuhi.

TANGGUNGJAWAB KETUA-KETUA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI / PENGETUA / GURU BESAR

Ketua Institusi Pengajian Tinggi / Pengetua / Guru Besar bertanggungjawab di dalam pengurusan organisasi dalaman, pengurusan dan disiplin di institusi pengajian tinggi (IPT) / maktab / sekolah serta memastikan persiapan bagi aktiviti lawatan sambil belajar

adalah memenuhi piawaian. Kementerian Pendidikan menyedari bahawa para Ketua IPT / Pengetua / Guru Besar boleh membahagikan tugas dan tanggungjawab tersebut kepada Ketua Program / Penyelia Lawatan Aktiviti (KPLA). Namun, pembahagian tugas tersebut hendaklah munasabah dan KPLA yang dilantik itu hendaklah mempunyai pelbagai kemahiran dan telah menjalani latihan yang khusus di dalam aspek keselamatan dan kesihatan serta mendapat sokongan yang padu bagi memastikan beliau mampu menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan kompeten.

Perkara-perkara berikut hendaklah dipastikan :

- Kesemua persiapan termasuk rancangan perjalanan dan penilaian risiko telah lengkap diisikan;
- Langkah berjaga-jaga bagi memastikan keselamatan dan perlindungan pelajar tersedia;
- KPLA mempunyai pengalaman yang mencukupi bagi mengawal peserta program berdasarkan keramaian dan umur peserta serta mempunyai masa untuk merancang aktiviti lawatan;
- KPLA hendaklah mempunyai kompetensi bagi memantau risiko-risiko yang bakal dihadapi semasa menjalankan aktiviti lawatan;
- Keperluan latihan telah diteliti dan dicadangkan oleh pegawai dan kakitangan yang berkemahiran dan kompeten;
- Kebenaran telah diperolehi daripada pihak-pihak yang berkenaan;
- Nisbah di antara Guru Pengawas dan peserta program adalah wajar dan bersesuaian;

- Keperluan dan fasiliti bagi pertolongan cemas adalah mencukupi;
- Keperluan bagi pelajar yang berkeperluan khas atau yang memerlukan perubatan khusus telah diaturkan;
- Perlindungan insuran telah diperolehi;
- Kesemua surat / borang kebenaran telah diperolehi;
- KPLA dan Guru Pengawas mempunyai senarai peserta program (pelajar dan kakitangan), maklumat terperinci bagi setiap individu dan salinan prosedur pelan kecemasan yang akan dilaksanakan jika terjadinya sesuatu insiden;
- Alamat, nombor telefon dan nama orang yang perlu dihubungi (*contact person*) di lokasi aktiviti lawatan telah diperolehi, dan;
- Pelan kontingensi telah diaturkan bagi memenuhi sebarang perubahan / kelewatan di dalam jadual perjalanan.

**KOMPETENSI TERAS (CORE COMPETENCIES)
SELAKU KETUA PROGRAM / PENYELIA LAWATAN
AKTIVITI (KPLA)**

1. Penyelaras Aktiviti / Ketua Program / Penyelia Lawatan Aktiviti (KPLA) perlu memiliki kemahiran asas dalam kepimpinan seperti berikut :
 - Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik;
 - Mempunyai keyakinan diri yang tinggi;
 - Berkebolehan untuk merancang dan membahagikan tugas kepada ahli kumpulan dengan efektif;
2. Selain daripada kemahiran asas dalam kepimpinan yang dinyatakan di atas, KPLA adalah dimestikan untuk mengetahui tatacara pertolongan kecemasan (*first aid*) dengan syarat:
 - Sekurang-kurangnya pernah mengikuti kursus pertolongan cemas dan mempunyai sijil penyertaan yang masih sah (tidak melebihi 2 tahun), dan;
 - Mempunyai sijil *First Aider* adalah merupakan satu kelebihan.
3. Sekurang-kurangnya pernah menghadiri kursus yang berkaitan dengan Kesihatan, Keselamatan Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE) termasuk bengkel keselamatan seperti Bengkel Penilaian Risiko Aktiviti Lawatan (*Field Trip*) yang diumumkan oleh Bahagian HSSE, Kementerian Pendidikan atau mana-mana entiti yang diiktiraf oleh Bahagian HSSE, Kementerian Pendidikan.

4. Adalah menjadi kelebihan bagi mana-mana KPLA yang mempunyai pengalaman mengetuai aktiviti lawatan sambil belajar serta pernah menjadi ahli kepada persatuan-persatuan / kelab-kelab seperti Pengakap, Pandu Puteri, Kadet Askar, Kadet Polis, Kadet Bomba, Kelab Mengembara (*Hiking Club*), Kelab Geografi dan sebagainya.

5. Di samping itu, adalah juga menjadi satu kelebihan sekiranya KPLA pernah menghadiri kursus-kursus seperti berikut :

- NEBOSH (*National Examination Board in Occupational Safety and Health*)
- IOSH (*Institution of Occupational Safety and Health*), dan;
- *Fire Marshal / Fire Warden*
- *Survival / Wilderness Course (Outward Bound School)*

Nota : Keterangan lanjut mengenai isi kandungan kursus-kursus berkenaan boleh dirujuk di LAMPIRAN 5 buku ini.

TANGGUNGJAWAB PENYELARAS AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR (PALS) DI SEKOLAH / MAKTAB / INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Setiap sekolah/maktab/institusi pengajian tinggi dikehendaki untuk melantik seorang PALS yang telah menjalani latihan dan mempunyai sumber serta kemahiran bagi membolehkan beliau mampu untuk menjalankan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Di antara tugas dan tanggungjawab PALS adalah seperti berikut :-

- Berhubung dengan pihak yang mempunyai kuasa membenarkan melaksanakan aktiviti lawatan bagi memastikan lawatan tersebut memenuhi kehendak keselamatan termasuklah pelaksanaan penilaian risiko;
- Mendukung Ketua IPT / Pengetua / Guru Besar di dalam membuat keputusan;
- Menugaskan Guru Pengawas yang kompeten bagi mengetuai atau menyelia aktiviti lawatan;
- Memastikan senarai semak mengenai keselamatan peserta program telah dilaksanakan;
- Bekerjasama dengan Ketua Guru Pengawas bagi mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa / penjaga;
- Mengaturkan pelan kecemasan, dan;
- Menyimpan rekod bagi setiap aktiviti lawatan (termasuk laporan kejadian kemalangan atau insiden yang nyaris menyebabkan kemalangan).

TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN KESIHATAN, KESELAMATAN, KAWALAN KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (HSSE)

Di antara tanggungjawab Bahagian HSSE, Kementerian Pendidikan adalah seperti berikut :-

- Meneliti dasar dan prosedur serta menerapkan amalan-amalan baik yang telah dipraktikkan dalam isu kesihatan dan keselamatan,
- Memberi nasihat mengenai aspek HSSE di dalam aktiviti lawatan sambil belajar, dan;
- Sebagai badan penyelaras yang akan menjalankan siasatan bagi sebarang kejadian atau insiden.

TANGGUNGJAWAB KETUA PROGRAM / PENYELIA LAWATAN / AKTIVITI (KPLA)

Seorang KPLA adalah bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan (*accountable*) bagi keselamatan kumpulan aktiviti lawatan pada setiap masa. Sebelum aktiviti lawatan dijalankan, seorang KPLA atau PALSBS hendaklah memastikan perkara-perkara berikut :-

- Mendapatkan kebenaran bagi melaksanakan aktiviti lawatan;
- Melaksanakan penilaian risiko bagi aktiviti lawatan tersebut termasuklah penyediaan pelan kecemasan dan kontingensi (*contingency plan*);
- Mencadangkan dan membuat keputusan mengenai keramaian, jumlah guru / kakitangan pengawas dan keperluan latihan bagi peserta program;
- Memastikan setiap peserta program mempunyai pelan insurans yang sesuai;
- Aktiviti lawatan tidak bercanggah dengan dasar Kementerian Pendidikan;
- Merancang keperluan kenderaan / pengangkutan;

- Memaklumkan dan mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa/penjaga termasuk kebenaran pemberian ubat kepada peserta program jika keadaan memerlukan
- Melawat lokasi aktiviti lawatan terlebih dahulu (jika boleh);



- Memastikan pelajar mempunyai persediaan yang bersesuaian sebelum aktiviti lawatan;
- Memastikan pelajar mempunyai dokumen perjalanan (seperti paspot dan visa) yang sah jika aktiviti lawatan melibatkan perjalanan ke luar negara;
- Memberhentikan aktiviti lawatan jika terdapat sebarang bahaya yang berisiko tinggi terhadap kesihatan atau keselamatan peserta dan mempunyai prosedur tertentu jika ini berlaku, dan;
- Mengeluarkan mana-mana peserta atau guru pengawas yang kelakuannya dianggap boleh mendatangkan bahaya kepada diri sendiri dan orang di sekeliling.

Sewaktu menjalankan aktiviti lawatan sambil belajar, KPLA hendaklah memastikan :

- Beliau memimpin dan mengetuai aktiviti lawatan tersebut dan mempertimbangkan risiko-risiko yang terlibat di dalam membuat keputusan sama ada mengikuti perancangan aktiviti lawatan tersebut atau memilih alternatif yang lainnya;

- Guru Pengawas atau mana-mana sukarelawan memahami tugas dan tanggungjawab mereka dalam mengawas pelajar-pelajar;
- Pengiraan jumlah peserta (*head count*) hendaklah dilaksanakan dari masa ke semasa. Pemakaian baju / topi / tudung yang berwarna terang dapat membantu mengenalpasti peserta program dengan mudah;
- Pengawasan adalah berterusan : sebelum, sewaktu, dan selepas aktiviti lawatan dijalankan sehingga pelajar-pelajar tersebut selamat pulang di bawah penjagaan ibu bapa/penjaga masing-masing;
- Tempat tinggal peserta program adalah selamat dan terjamin;
- Penilaian risiko dijalankan secara berterusan;
- Setiap peserta program memahami dan bersetuju dengan pelan kecemasan yang telah disediakan;
- Keperluan dan fasiliti bagi pertolongan cemas adalah mencukupi;
- Keperluan bagi peserta yang berkeperluan khas atau yang memerlukan perubatan khusus telah diaturkan;
- Perlindungan insuran telah diperolehi;
- Kesemua surat / borang kebenaran telah diperolehi;
- KPLA dan Guru Pengawas mempunyai senarai peserta program (pelajar dan kakitangan), maklumat terperinci bagi setiap individu seperti alamat tempat tinggal, nombor telefon, nombor paspot, jenis darah, rekod perubatan, dan nombor telefon ahli keluarga terdekat yang mudah dihubungi, dan salinan prosedur pelan kecemasan yang akan dilaksanakan jika terjadinya sesuatu insiden;


- Alamat, nombor telefon, dan nama orang yang perlu dihubungi (*contact person*) di lokasi aktiviti lawatan telah diperolehi, dan;
- Pelan kontingensi telah diaturkan bagi memenuhi sebarang perubahan / kelewatan di dalam jadual perjalanan.
- Keperluan latihan telah diteliti dan dicadangkan oleh pegawai dan kakitangan yang berkemahiran dan kompeten;

TANGGUNGJAWAB PESERTA PROGRAM LAWATAN

KPLA hendaklah memastikan peserta program mematuhi perkara-perkara berikut :

- Tidak mengambil sebarang risiko yang boleh mendatangkan bahaya kepada diri sendiri dan orang di sekeliling;
- Mematuhi arahan daripada KPLA dan guru pengawas lain termasuk pengawas yang bertugas di lokasi aktiviti lawatan;
- Memakai pakaian yang bersesuaian, berkelakuan baik dan bertanggungjawab;
- Jika berada di luar negara, hendaklah peka dan sensitif kepada tatasusila, peradaban dan budaya hidup orang tempatan, dan;
- Berwaspada terhadap apa jua yang boleh menyakitkan atau menyebabkan kecederaan kepada diri sendiri atau orang di sekeliling dan memaklumkan kepada KPLA atau guru pengawas mengenai perkara tersebut.

ALIRAN PROSES KERJA BAGI PERMOHONAN UNTUK MENGADAKAN AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR (FIELD TRIP)



SUT - Setiausaha Tetap

CE - Pendidikan Teras (Core Education)

HE - Pengajian Tinggi (Higher Education)

KPLA - Ketua Program / Penyelia Lawatan Aktiviti

PALSB - Penyelaras Aktiviti Lawatan Sambil Belajar


IPT - Institut Pengajian Tinggi

Guru Pengawas / Penganjur selaku KPLA menghadapkan permohonan untuk mengadakan aktiviti lawatan sambil belajar kepada PALSB dengan menyertakan keterangan seperti tujuan lawatan, cadangan tarikh, keramaian, kos perbelanjaan, penilaian risiko dan seumpamanya. PALSB seterusnya akan memastikan bahawa KPLA melaksanakan penilaian risiko dan ianya telah diteliti secara komprehensif bagi aktiviti lawatan tersebut.

PALSB akan memajukan permohonan tersebut kepada Ketua IPT / Pengetua / Guru Besar mengenai sokongan bagi melaksanakan aktiviti lawatan tersebut.

Ketua IPT / Pengetua / Guru Besar akan menghadapkan permohonan tersebut kepada Ketua Jabatan masing-masing jika perlu tertakluk kepada jenis aktiviti yang akan dilaksanakan.

Jika aktiviti tersebut berskala besar seperti melibatkan agensi-agensi kerajaan atau aktiviti lawatan ke luar negeri (pertandingan, program pertukaran pelajar antarabangsa (*student exchange*) dan lain-lain, permohonan hendaklah dihadapkan kepada Setiausaha Tetap yang berkenaan (Pendidikan Teras / Pengajian Tinggi) untuk ketetapan dan kebenaran.



PENILAIAN RISIKO

LIMA (5) LANGKAH DALAM MELAKSANAKAN PENILAIAN RISIKO

1. Kenal pasti bahaya;
2. Kenal pasti pihak-pihak yang boleh tercedera dan bagaimana;
3. Tentukan pelan tindakan bagi mengawal risiko-risiko berkenaan kepada tahap yang munasabah;
4. Rekod dan dokumentasikan hasil penemuan, dan;
5. Rebiu penilaian risiko dari masa ke semasa.

Antara faktor yang perlu dikaji sewaktu melaksanakan penilaian risiko adalah seperti berikut:-

- Kawasan dan kedudukan aktiviti lawatan (sama ada di dalam atau di luar negeri) - altitud, suhu, kelembapan dan sebagainya;
- Kegiatan aktiviti yang akan dilaksanakan (menyelam, pendakian, pembabitan haiwan, penggunaan peralatan dan sebagainya);
- Umur / kompetensi / kecergasan / tingkah laku (*behaviour*) pelajar-pelajar;
- Keperluan perubatan yang khusus bagi pelajar;
- Nisbah di antara Guru Pengawas dan pelajar;
- Kompetensi / Pengalaman / Kelayakan Guru Pengawas;
- Jenis kenderaan, laluan perjalanan dan lokasi aktiviti lawatan, dan;
- Pelan kecemasan.

PENILAIAN RISIKO

Penilaian risiko merupakan aktiviti yang dilakukan untuk mengurangkan dan mengawal kemalangan dari berlaku. Penilaian risiko seringkali digunakan bagi mengenal pasti penerimaan risiko terhadap sesuatu aktiviti. Setelah risiko-risiko dikenal pasti, langkah seterusnya ialah untuk mengkategorikan kekerapan dan tahap keparahan (*severity*) bahaya tersebut dengan menilai, menganalisa, dan seterusnya membentuk tindakan pencegahan kemalangan yang sewajarnya dilakukan.

Perkara-perkara berikut hendaklah dipertimbangkan sewaktu melaksanakan penilaian risiko mengenai lokasi aktiviti lawatan :

- Keperluan perubatan bagi pelajar: Pastikan keperluan perubatan adalah mencukupi dan pelan kontingensi disediakan lebih awal umpamanya jika Guru Pengawas diperlukan untuk menemani pelajar ke hospital atau tindakan yang perlu diambil apabila kenderaan mengalami kerosakan semasa pertengahan perjalanan terutama sekali jika aktiviti dilaksanakan di luar negeri;



- Kawasan dan kedudukan program lawatan sambil belajar sama ada di dalam atau di luar negara (keadaan ekonomi, politik, budaya sesebuah negara harus diambil kira (*PEST Analysis*);

- Pastikan juga tidak ada pandemik atau wabak / epidemik penyakit berjangkit berlaku di lokasi aktiviti lawatan diadakan. Sila layari laman sesawang Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi maklumat mengenai Maklumat Kesihatan dan Pelayaran Antarabangsa (*International Travel and Health*) di :

<http://www.int/ith/updates/20110427/en/inter/html>

- Maklumat lanjut juga boleh diperolehi daripada Talian Healthline, Kementerian Kesihatan melalui talian 145 atau laman sesawang Kementerian Kesihatan di alamat berikut :

www.moh.gov.bn

- Tingkah Laku (*behaviour*) pelajar-pelajar, langkah kawalan dan peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi setiap pelajar;
- Perubahan cuaca dan langkah kawalannya : Hendaklah mengandungi maklumat tempatan mengenai risiko banjir, gempa bumi, tsunami, tanah susur, air pasang dan kebarangkalian perubahan cuaca yang mendadak serta boleh menimbulkan fenomena seperti kemarau, kebakaran hutan, jerebu dan sebagainya;
- Membabitkan para pelajar dalam perancangan lawatan dan penilaian risiko adalah digalakkan agar para pelajar tahu selok belok lawatan / aktiviti serta lebih bersedia;
- Dapatkan maklumat / nasihat daripada pihak yang pernah mengadakan lawatan di tempat yang sama atau daripada syarikat pelancongan yang boleh diharap (*reliable*), dan;
- Peserta yang mengikuti program lawatan berkemungkinan terdedah kepada ketidakstabilan politik. Maklumat mengenai isu ekonomi dan politik bagi kawasan di mana program lawatan akan dijalankan bolehlah didapati daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Besar / Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di luar negeri serta Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Besar negara-negara sahabat di Negara Brunei Darussalam.

KAWALAN RISIKO

Setelah risiko tersebut dikenal pasti, langkah seterusnya adalah bagi menentukan pelan tindakan kawalan risiko yang bersesuaian. Tujuannya adalah bagi membolehkan KPLA merancang, memperkenalkan dan memantau langkah pencegahan untuk memastikan risiko tersebut dikawal secukupnya sepanjang masa. Kaedah kawalan yang sesuai hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:-

- Menilai dan memilih kawalan jangka pendek dan jangka panjang;
- Melaksanakan langkah jangka pendek untuk melindungi peserta program sehingga kawalan kekal dan dapan dilaksanakan, dan;
- Melaksanakan kawalan jangka panjang apabila dapat dilaksanakan dengan munasabah.

Kaedah kawalan yang digunakan oleh Bahagian HSSE dipanggil *Hierarchy of Control* atau Hierarki Kawalan seperti berikut :

1. Penghapusan bahaya (*Elimination*);
2. Penggantian atau Pengurangan;
3. Kawalan kejuruteraan;
4. Kawalan pentadbiran (termasuklah prosedur operasi standard), dan;
5. Peralatan Perlindungan Peribadi atau *Personal Protective Equipment* (PPE).

Dalam kebanyakan kes, kesemua hierarki kawalan tersebut hendaklah dipertimbangkan dalam penyediaan pelan tindakan bagi mengawal risiko-risiko kemalangan dengan berkesan. Bagi program lawatan sambil belajar, pelan tindakan kawalan risiko bagi senario kecemasan juga perlu dikaji dan dirancang.

Nota : Elemen penghapusan bahaya diberi keutamaan manakala penggunaan peralatan perlindungan peribadi digunakan apabila langkah kawalan lain tidak dapat dilaksanakan dan apabila perlindungan tambahan diperlukan.

PENGHAPUSAN BAHAYA (ELIMINATION)

Menyingkirkan kerja, alatan, proses, mesin atau bahan yang berbahaya adalah cara yang terbaik untuk melindungi peserta program.

Sebagai contoh, aktiviti program hendaklah dijalankan pada waktu siang dan bukannya pada waktu malam dan seterusnya menghapuskan risiko bahaya yang mungkin terjadi akibat menjalankan aktiviti di waktu malam. Maklumat yang diperolehi daripada penyelaras hendaklah juga dipertimbangkan dalam menilai keperluan bagi mengadakan lawatan/aktiviti sambil belajar tersebut.

PENGGANTIAN ATAU PENGURANGAN

Menggantikan bahaya yang ada dengan sesuatu yang kurang berisiko. Misalnya penggantian atau pengurangan bahaya dapat dilaksanakan melalui pemilihan kawasan program yang kurang berisiko untuk mengakibatkan kemalangan seperti kawasan yang kurang terdedah kepada perubahan iklim cuaca yang teruk, melaksanakan aktiviti pada waktu siang dan bukannya pada waktu malam serta menggunakan bot berenjin dan bukannya menggunakan pengayuh.

KAWALAN KEJURUTERAAN

Memasukkan ciri-ciri keselamatan ke dalam peralatan, mesin atau kelengkapan. Sebagai contoh kawalan kejuruteraan dalam mengawal bahaya dapat dilaksanakan melalui penggunaan perangkap mekanik sebagai ganti kepada menggunakan tangan sewaktu menangkap binatang yang akan digunakan untuk kajian.

KAWALAN PENTADBIRAN

Kawalan pentadbiran adalah prosedur kerja seperti dasar keselamatan, peraturan keselamatan dan penyeliaan, prosedur operasi standard (SOP), latihan dan kursus kecakapan kakitangan dan peserta program, penyediaan keperluan petikemasannya dan sebagainya.



Prosedur-prosedur kerja ini hendaklah disemak secara berkala bersama peserta program dan sentiasa dikemas kini.

Setelah penilaian risiko dilaksanakan, prosedur operasi standard (SOP) hendaklah disediakan bagi mengurangkan dan mengawal risiko-risiko tersebut serta menentukan peranan dan tanggungjawab dalam menguruskan risiko-risiko berkenaan.

Persediaan adalah kunci! - Dalam situasi di mana risiko adalah tinggi, pelan tindakan langkah kawalan hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum program lawatan dijalankan.

Kawalan pentadbiran lain juga termasuk mendapatkan vaksinasi dan imunisasi seperti yang diperlukan.

PERALATAN PERLINDUNGAN PERIBADI (PPE)

Pakaian dan kelengkapan pelindung diri (PPE) digunakan apabila perlindungan tambahan diperlukan selepas semua kaedah kawalan di atas telah diambil kira dan dilaksanakan. Peserta program mestilah dilatih untuk menggunakan dan menyelenggarakan kelengkapan dengan betul. Peserta juga perlu tahu batasan kelengkapan pelindung diri ini. PPE ini termasuk menggunakan jaket keselamatan semasa berada di dalam bot, menggunakan krim sunblok, topi keselamatan, kasut yang bersesuaian, lampu picit untuk aktiviti malam atau mana-mana PPE yang khusus dan sesuai bagi bahaya yang telah dikenal pasti.



RISIKO YANG BERKAITAN DENGAN AKTIVITI



AKTIVITI DI DALAM ATAU BERDEKATAN DENGAN AIR

Risiko kemalangan yang boleh mengancam nyawa adalah lebih tinggi apabila pelajar mengikuti aktiviti di dalam atau berhampiran dengan air. Oleh itu, adalah penting bagi pelaksanaan penilaian risiko mengambil kira perkara-perkara berikut :-

- Tahap kompetensi KPLA / Ketua Penyelidik dan Guru Pengawas lain;
- Nisbah di antara Guru Pengawas dan peserta program;
- Kebarangkalian peserta program untuk jatuh ke dalam air;
- Kebarangkalian peserta program merasa panik sewaktu berenang (*panic swimmer*);

- Bahaya di dalam air (batu, *under water current*, haiwan merbahaya dan lain – lain);
- Keadaan ombak arus, dan;
- Perubahan cuaca.



Bagi aktiviti air yang melibatkan aktiviti

menyelam, sediakan satu pelan tindakan *float plan* yang mengandungi maklumat seperti destinasi tujuan, titik permulaan perjalanan, laluan perjalanan dan waktu terakhir ketibaan. Pelan tindakan tersebut hendaklah disimpan oleh seorang yang perlu dihubungi (*contact person*) yang berstesen sama ada di pejabat atau pada titik permulaan perjalanan.

Aktiviti menyelam juga perlu dirujuk kepada Bahagian Keselamatan Kerja, Kementerian Kesihatan. Peserta yang mengikuti aktiviti menyelam hendaklah disahkan sihat dan *fit* untuk melaksanakan aktiviti menyelam. Aktiviti-aktiviti lasak yang lain juga mungkin memerlukan pemeriksaan kesihatan dan KPLA bertanggungjawab dalam menilai kondisi peserta program secara am sebelum melaksanakan aktiviti program.

KPLA bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Laut secara bertulis sekiranya melaksanakan aktiviti lawatan di kawasan persisiran dan perairan Negara Brunei Darussalam agar pihak yang berkenaan dapat mengawasi kawasan aktiviti dari masa ke semasa. Sebarang perubahan di dalam tarikh atau jam aktiviti hendaklah dimaklumkan melalui telefon, faks atau mana-mana bentuk perhubungan yang bersesuaian.

LAWATAN KE LADANG TERNAKAN

Apabila bercadang untuk membuat lawatan ke ladang ternakan, ambil kira risiko yang mungkin dihadapi seperti kes-kes jangkitan penyakit seperti *Avian Influenza H7N9*, *Mers-COV* dan *Ebola* (penyakit-penyakit yang boleh terjangkit hasil dari pendedahan kepada binatang atau memakan

produk binatang yang tidak dimasak dengan sempurna), bahaya pencemaran terhadap *E.Coli 0157* dan penggunaan alat jentera yang merbahaya. Amalkan langkah berjaga-jaga seperti berikut :-

- Pastikan peserta program menggunakan pakaian dan but / kasut yang sesuai;



- Pastikan peserta program menutup segala luka di tangan (jika ada) dengan plaster yang kalis air;
- Peserta program hanya dibenarkan untuk makan dan minum di kawasan yang dibenarkan sahaja. Jangan makan dan minum (termasuk gula-gula) di kawasan ladang;
- Mengingatkan peserta program untuk tidak menghisap jari atau memasukkan tangan, pen, pensil, pensil berwarna dan sebagainya ke dalam mulut;
- Tidak membenarkan peserta program untuk mencium haiwan atau mendekati wajah mereka ke binatang tersebut;
- Pastikan peserta program mencuci tangan dengan air dan sabun sebelum dan selepas makan, setelah mengendalikan haiwan dan selepas meninggalkan ladang, dan;
- Pastikan peserta program tidak menggunakan mana-mana peralatan yang sedia ada seperti cangkul atau mana-mana jentera kecuali apabila di bawah pengawasan pekerja ladang dan Guru Pengawas.

Jika terdapat peserta program yang menunjukkan simptom-simptom penyakit seperti yang dilampirkan di Lampiran I, dapatkan rawatan perubatan dengan segera dan maklumkan bahawa peserta program pernah mengendalikan haiwan baru-baru ini (*recent contact*).

KESELAMATAN MAKANAN

Jika melawat ke negara yang sememangnya terkenal dengan ketidakbersihan makanan, pastikan peserta program membawa bekalan seperti air, makanan tin dan lain-lain. Rancang perjalanan terlebih dahulu dengan melayari laman sesawang seperti berikut :

www.fitfortravel.nhs.uk/advice.aspx



Selain itu, dapatkan maklumat daripada Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Besar / Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di luar negeri bagi nasihat yang lebih khusus. Jika berkenaan, maklumkan kepada pihak penganjur mengenai keperluan makanan (halal, alergi dan lain-lain) seawal mungkin sebelum bertolak daripada Negara Brunei Darussalam. Pastikan peserta program mematuhi perkara-perkara berikut bagi memastikan makanan dan minuman yang diambil adalah selamat:-

1. Cuci tangan sekurang-kurangnya selama 20 saat dengan menggunakan sabun dan air suam sebelum makan, selepas makan, selepas ke tandas dan lain-lain;
2. Pastikan bekas yang digunakan seperti pinggan, mangkuk, cawan, gelas, sudu dan garpu adalah bersih;
3. Jika membeli makanan daripada pasar atau warung-warung di jalanan pastikan di mana munasabah makanan adalah segar dan dimasak dengan sempurna;

4. Jangan sesekali memakan makanan yang terbiar di suhu bilik selama lebih empat (4) jam;
5. Makan makanan yang telah dimasak dengan sempurna;
6. Minum daripada sumber air yang dirawat sahaja;
7. Elakkan minuman yang mengandungi ais, dan;
8. Elakkan memakan makanan laut seperti kerang, udang, sotong dan lain-lain.

Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai amalan terbaik dalam pengendalian / keselamatan makanan, bolehlah dirujuk kepada manual "5 Keys to Safer Food" yang boleh dilayari melalui :

www.who.int/foodsafety/publications/consumer/manual_keys.pdf


PERUBAHAN CUACA

Risiko utama berkaitan dengan bahaya yang disebabkan oleh iklim cuaca adalah komplikasi yang disebabkan oleh dehidrasi. Peserta program lawatan hendaklah mengawasi dan memastikan pengambilan air yang mencukupi walaupun program lawatan dijalankan di dalam keadaan yang sejuk. Cuaca yang terlalu panas boleh menyebabkan tubuh berasa lemah atau *heat stroke* manakala hipotermia boleh terjadi pada suhu yang



dingin dan sejuk. Selain dari dehidrasi atau hipotermia, elemen lain yang perlu dipertimbangkan adalah mabuk laut, mabuk udara, terdedah kepada elemen-elemen beracun dan mungkin juga elemen jenayah.





PERLINDUNGAN INSURANS & KOS PERBELANJAAN

KAKITANGAN DAN PESERTA PROGRAM HENDAKLAH DIBEKALKAN PERLINDUNGAN INSURANS YANG ASAS APABILA MEMBUAT SEBARANG AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR. JENIS PERLINDUNGAN TERTAKLUK KEPADA TAHAP RISIKO YANG AKAN DINILAI. BAGI PROGRAM LAWATAN YANG BERISIKO TINGGI, KAKITANGAN DAN PESERTA PROGRAM ADALAH DIGALAKKAN UNTUK MENDAPATKAN PERLINDUNGAN INSURANS YANG LEBIH KOMPREHENSIF TERMASUKLAH PERLINDUNGAN BAGI KEMALANGAN DIRI.



Perlindungan Insuran

Dengan pelbagai pelan perlindungan insurans yang diperkenalkan oleh syarikat-syarikat insurans, adalah mustahak bagi PALSb atau KPLA menganalisa dasar syarikat tersebut sebelum bersetuju dan membuat pembayaran bagi perlindungan insurans yang berkenaan. Perkara-perkara yang perlu diambil kira adalah seperti berikut :-

- Liabiliti awam;
- Liabiliti pihak ketiga (perlindungan bagi Guru Pengawas yang mengawasi pelajar-pelajar);
- Tuntutan bagi kecuaihan;
- Perlindungan kemalangan peribadi bagi kesemua Guru Pengawas dan pelajar-pelajar;
- Kos rawatan perubatan;
- Perbelanjaan di kala kecemasan;
- Pembatalan dan kelewatan penerbangan / perjalanan;
- Aktiviti yang berisiko tinggi atau aktiviti yang khusus;
- Kerosakan atau kehilangan peralatan yang disewa,
- Kehilangan bagasi dan barangan peribadi.

ANGGARAN KOS-KOS PERBELANJAAN


Anggaran perbelanjaan hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum melaksanakan aktiviti lawatan. Senarai tersebut hendaklah merangkumi aspek-aspek seperti pengangkutan, tempat tinggal, insurans, kos tambahan kakitangan, bayaran bagi kemasukan (*entrance fee*) dan yang paling penting hendaklah mengandungi belanjawan bagi pelan kontingensi dan pelan kecemasan. Salah seorang daripada Guru Pengawas hendaklah dilantik sebagai Bendahari yang akan mengawal urusan kewangan.

Catatan kewangan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut :-

- Tarikh setiap transaksi;
- Kepada atau daripada siapa pembayaran dibuat / diterima;
- Nombor cek, dan;
- Catatan baki wang.

Adalah lebih baik untuk melebihi anggaran perbelanjaan bagi setiap aktiviti lawatan sambil belajar daripada menagih lebihan pembayaran setelah aktiviti tersebut selesai dilaksanakan. Setiap IPT / sekolah / maktab haruslah mempunyai dasar bertulis masing-masing bagi kos setiap aktiviti lawatan.

KPLA hendaklah memastikan ibu bapa / penjaga menerima maklumat bertulis mengenai kos perbelanjaan lawatan termasuk kos yang dibiayai oleh pihak sekolah dan kos yang perlu ditanggung oleh ibu bapa / penjaga. Ibu bapa / penjaga perlu diberi masa yang cukup untuk menyediakan jumlah yang diperlukan tersebut. Ia mungkin berguna untuk menyenaraikan anggaran kos-kos tersebut mengikut pecahan yang ditetapkan seperti tiket, perlindungan insurans, tempat penginapan, makan dan seumpamanya.




PEMERIKSAAN KESIHATAN

KPLA/Penyelia perlu meneliti dan menilai keperluan kesihatan peserta program lawatan. Dari aspek kesihatan juga, adalah sangat penting bagi memastikan status kesihatan para peserta program adalah baik dan pemeriksaan kesihatan bolehlah dilakukan di klinik-klinik kesihatan. Doktor perubatan atau Bahagian Kesihatan Kerja, Kementerian Kesihatan boleh dirujuk bagi:-

1. Menilai kelayakan kesihatan khusus bagi aktiviti yang akan dilaksanakan sewaktu program lawatan;
2. Membekalkan vaksinasi atau chemoprophylaxis yang sesuai bagi tempat di mana program lawatan dijalankan. Adalah penting bagi peserta program lawatan untuk mendapatkan suntikan vaksin atau ubat pencegahan yang berpatutan terutamanya apabila mengunjungi negara-negara lain di mana penyakit berjangkit adalah endemik. Suntikan vaksin boleh didapatkan di Pusat Vaksinasi, Kementerian Kesihatan di Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan;
3. Memberikan nasihat mengenai peserta program lawatan yang terlibat melakukan aktiviti-aktiviti luar seperti pendakian dan menyelam (*diving*) dan sebagainya. Dalam perkara ini, peserta program lawatan hendaklah melakukan pemeriksaan kesihatan di Bahagian Keselamatan Kerja, Kementerian Kesihatan dan juga mendapatkan lesen menyelam yang diiktiraf;
4. Memberikan ulasan mengenai persediaan dalam pertolongan cemas dan pelan kecemasan;
5. Mendapatkan khidmat nasihat berkaitan kecemasan perubatan (atau memberikan rawatan jika aktiviti dijalankan di Brunei);

6. Mendapatkan kerjasama daripada Bahagian Kawalan Penyakit Berjangkit, Kementerian Kesihatan untuk memberikan taklimat mengenai risiko penyakit “*zoonosis*” (penyakit berjangkit yang boleh menular antara spesies dari haiwan termasuk vektor kepada manusia) terutama sekali jika program lawatan melibatkan haiwan liar, dan;
7. Mendapatkan nasihat mengenai wanita yang mengandung sebelum mengikuti program lawatan terutama sekali jika program lawatan tersebut melibatkan pengendalian haiwan dan aktiviti-aktiviti luar.





KEBENARAN IBU BAPA/ PENJAGA

Kadang-kadang membawa pelajar yang mempunyai masalah disiplin untuk mengikuti aktiviti lawatan boleh mendatangkan tekanan kepada sekolah / maktab / IPT. Ketua IPT / Pengetua / Guru Besar haruslah mempertimbangkan dengan sewajarnya risiko yang mungkin timbul kepada peserta program di dalam kumpulan tersebut, Guru Pengawas dan orang di sekeliling. Jika KPLA merasakan tekanan di dalam membenarkan pelajar yang berpotensi untuk mendatangkan masalah di dalam aktiviti lawatan tersebut, mereka dikehendaki untuk mendapatkan nasihat daripada PALS, Ketua IPT / Pengetua / Guru Besar atau Bahagian HSSE.

Saya bapa/ibu kepada Ahmad Dhanni bin Zul
membenarkan/ tidak membenarkan anak saya
mengikuti lawatan sambil belajar (*Field Trip*).

Dibenarkan


(Zul bin Hj. Lidin)

Setiap ibu bapa / penjaga hendaklah dimaklumkan secara bertulis mengenai perancangan bagi mengadakan aktiviti lawatan sambil belajar sebelum ibu bapa / penjaga tersebut mengisikan dan menandatangani borang kebenaran. Ini bererti, setiap ibu bapa / penjaga diberi maklumat mengenai risiko yang terkandung di dalam aktiviti lawatan tersebut serta langkah kawalan yang telah dan akan dilaksanakan bagi mengawal risiko tersebut.

Maklumat yang diberikan kepada ibu bapa / penjaga hendaklah mengandungi :-

- Tarikh dan tujuan aktiviti lawatan dilaksanakan;
- Waktu bertolak dan waktu ketibaan;
- Lokasi tempat berkumpul sebelum bertolak dan lokasi mengambil anak-anak setelah aktiviti lawatan selesai;
- Urusan perjalanan (dan nama syarikat pelancongan, jika ada);
- Keramaian pelajar di dalam kumpulan tersebut dan tatacara pengawasan;
- Maklumat tempat tinggal (termasuklah kawalan keselamatan (*security*) dan tatacara pengawasan di tempat tinggal);
- Keperluan yang telah disediakan bagi pelajar berkeperluan khas atau mempunyai keperluan perubatan yang khusus;
- Prosedur yang telah disediakan bagi pelajar yang jatuh sakit;
- Nama dan nombor telefon KPLA dan Guru Pengawas yang mengikuti aktiviti berkenaan;
- Nama KPLA, PALS B atau kakitangan yang berkenaan di pejabat / sekolah / maktab / IPT;
- Maklumat mengenai aktiviti yang akan dilaksanakan, risiko yang terlibat dan langkah kawalannya (termasuklah maklumat mengenai Pelan Kontingensi);
- Tingkah laku penuntut yang dikehendaki (di dalam aspek merokok, disiplin dan barang-barang yang tidak boleh dibawa sewaktu aktiviti lawatan). Ibu bapa / penjaga dikehendaki untuk menandatangani borang *Code of Conduct* dan hendaklah dimaklumkan mengenai akibat ketidakpatuhan terhadap perkara ini (contoh: dikeluarkan daripada mengikuti aktiviti lawatan, ibu bapa / penjaga dikehendaki untuk mengambil anak mereka lebih awal daripada sepatutnya, dan lain-lain);
- Pelan perlindungan insurans bagi kehilangan bagasi, kemalangan, perlindungan perubatan dan sebarang pengecualian daripada dasar dan jika ibu bapa / penjaga perlu untuk mendapatkan perlindungan insurans yang lebih komprehensif;
- Imunisasi yang diperlukan;

- Keperluan pakaian, peralatan, duit yang perlu dibawa oleh setiap pelajar;
- Maklumat mengenai keluarga hos (*host families*) bagi Program Pertukaran pelajar Antarabangsa (*International Student Exchange*), dan;
- Kos perbelanjaan dan apa yang diliputi kos tersebut.

Ianya merupakan satu amalan yang baik bagi menjemput ibu bapa / penjaga untuk menghadiri taklimat/mesyuarat sebelum memulakan aktiviti lawatan sambil belajar (terutama sekali jika ianya diadakan di luar negeri).

MENDAPATKAN MAKLUMAT MENGENAI PELAJAR

Mana-mana maklumat mengenai pelajar yang relevan bagi pengurusan aktiviti lawatan hendaklah diberikan oleh ibu bapa / penjaga.

Keperluan bagi pelajar berkeperluan khas dan / atau pelajar yang memerlukan keperluan perubatan yang khusus hendaklah dipertimbangkan apabila membuat keputusan untuk melantik jumlah Guru Pengawas dan keperluan-keperluan khusus (*special skills*) yang mungkin diperlukan.

Ibu bapa / penjaga hendaklah memberikan maklumat-maklumat seperti berikut:-

- Jika anak mereka mempunyai alahan / alergi terhadap sebarang makanan atau ubat;

- Jika anak mereka menghidapi sebarang fobia;
- Jika anak mereka memerlukan keperluan perubatan (jika ya, maklumkan tatacara mengenai pelaksanaannya seperti dos ubat, siapa yang dibenarkan untuk memberikan perubatan tersebut, waktu perubatan tersebut diberikan dan lain-lain); Ini termasuklah mengelakkan aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan sakit (*trigger*);
- Senarai suntikan imunisasi yang telah diambil oleh peserta program berserta tarikh imunisasi terutama sekali bagi program lawatan sambil belajar di luar negeri;
- Jika anak mereka jatuh sakit dalam masa terdekat sebelum aktiviti ini;
- Maklumat mengenai doktor perubatan anak tersebut;
- Maklumat mengenai jenis kumpulan darah anak tersebut;
- Jika anak mereka mempunyai keperluan diet yang khusus (*dietary needs*) seperti makanan halal, *lactose intolerance*, *gluten intolerance* dan lain-lain;
- Jika anak mereka mempunyai tabiat tidur yang khusus atau berlainan (contoh: mengigau atau *sleep walking*, ke tandas sebelum tidur dan lain-lain;)
- Kebolehan anak mereka untuk berenang atau mana-mana kebolehan yang dirasakan sesuai (seperti berski, *rollerblade*, *skating* dan sebagainya);




- Memberikan maklumat perhubungan (nombor telefon bimbit) ibu bapa / penjaga, dan;
- Maklumat-maklumat lain yang dirasakan relevan oleh ibu bapa / penjaga;

KES KEJADIAN YANG PERNAH TERJADI DI LUAR NEGERI


Pada satu aktiviti lawatan sambil belajar yang melibatkan bermalam di sebuah tempat penginapan, seorang pelajar telah mengigau dan berjalan-jalan dari kawasan dormitori dan seterusnya terhantuk dinding; ibu bapa pelajar tersebut tidak memaklumkan lebih awal bahawa anak mereka mempunyai masalah mengigau (*sleep walking*). Ibu bapa / penjaga mempunyai tanggungjawab untuk memberikan maklumat seumpama ini kepada PALSb, KPLA, dan Guru Pengawas.





PENGAWASAN





Berapa ramaiakah Guru Pengawas yang perlu ditugaskan untuk mengawasi sebuah kumpulan apabila mengadakan aktiviti lawatan? Tidak ada nisbah yang khusus di antara Guru Pengawas dan peserta program. Sungguhpun demikian, pengawasan haruslah berdasarkan penilaian perbandingan di antara peserta program dan Guru Pengawas dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-

- Bahaya yang mungkin ditemui;
- Keadaan persekitaran lokasi lawatan;
- Keramaian peserta program;
- Umur peserta program;
- Keperluan peribadi peserta program terutamanya bagi pelajar berkeperluan khas, dan;
- Kompetensi Guru Pengawas.

Nisbah yang *ideal* di antara Guru Pengawas dan peserta program adalah seperti berikut :

- Bagi pelajar di Tahun 1 hingga Tahun 3; nisbahnya adalah 1:6 (bagi pelajar yang berumur lima (5) tahun ke bawah, jumlah Guru Pengawas hendaklah ditingkatkan mengikut kesesuaian);
- Bagi pelajar di Tahun 4 hingga Tahun 6; nisbahnya adalah 1:10-15, dan;

- Bagi pelajar di Tahun 7 ke atas, nisbahnya adalah 1:15-20.

Walau bagaimanapun, bagi aktiviti lawatan yang dilaksanakan di luar negara, Bahagian HSSE mencadangkan untuk meningkatkan jumlah Guru Pengawas. Ini mengambil kira jika sekiranya ada di antara peserta program jatuh sakit atau berlakunya insiden kecemasan, sekurang-kurangnya Guru Pengawas tambahan tersebut dapat membantu mengawal situasi kecemasan tersebut atau menjaga peserta program yang jatuh sakit. Adalah juga dinasihatkan sekurang-kurangnya seorang Guru Pengawas lelaki dan seorang Guru Pengawas wanita ditugaskan untuk mengawasi kumpulan program yang mempunyai peserta lelaki dan wanita (*mixed gender*) terutama sekali jika peserta program tersebut adalah dari golongan remaja.

PROGRAM PERTUKARAN BELIA (YOUTH EXCHANGE PROGRAM)

Program yang berbentuk pertukaran pelajar yang melibatkan negara-negara luar seringkali diadakan bagi berkongsi budaya dan sejarah di antara kedua buah negara. Dalam hal ini, terdapat kebimbangan mengenai keselamatan peserta program apabila tinggal bersama keluarga angkat. Bagi mengurangkan risiko-risiko, pihak yang berkenaan hendaklah mempertimbangkan perkara-perkara berikut :-

- Pemilihan rakan sekolah bagi program pertukaran belia tersebut hendaklah dilaksanakan dengan berhati - hati;
- Bersetuju dengan modus operandi yang jelas mengenai jangka masa dan kekerapan aktiviti lawatan;
- Pastikan perbelanjaan adalah betul dan tepat;

- Setiap Guru Pengawas dan peserta program hendaklah diberi taklimat secara komprehensif mengenai program ini;
- Pastikan setiap peserta program sama ada peserta program yang berada di Negara Brunei Darussalam atau di luar negara mempunyai peta serta apa jua maklumat yang relevan mengenai negara-negara berkenaan;
- Pertukaran nombor telefon / e-mel / persuratan di antara keluarga angkat di kedua belah pihak akan membina keyakinan di antara satu sama lain;
- Maklumkan keluarga angkat (*host family*) secara bertulis mengenai keperluan makanan (contoh: makanan halal, alahan, alergi, *gluten intolerance*, *lactose intolerance* dan lain-lain) dan peserta program tidak dibenarkan untuk mengikuti sebarang aktiviti sukan yang merbahaya seperti meluncur salji tanpa kebenaran daripada ibu bapa / penjaga peserta program;

- Pastikan pelan kecemasan disediakan, dan;
- Sentiasa berhubung dengan rakan sejawat di negara hos di sepanjang tempoh program pertukaran belia tersebut sehingga selesai dan peserta program telah selamat sampai ke Negara Brunei Darussalam.
- KPLA adalah dikehendaki mendapatkan dokumen-dokumen berikut daripada Unit Antarabangsa, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan :
 1. Garis Pandu Keselamatan Bagi Peserta Program Pengantarabangsaan Keluar Negeri Yang Dikendalikan oleh Unit Antarabangsa, Jabatan Sekolah-Sekolah, dan;
 2. Buku Panduan: Pelajar Pertukaran Pelajar-Pelajar Peringkat Antarabangsa.




PENGANGKUTAN

“Kajian menunjukkan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak sepatutnya merentas jalan seorang diri tanpa diawasi oleh orang dewasa. Mereka belum dapat membuat jangkaan (judgement) mengenai kelajuan kereta serta jarak antara diri mereka dengan kereta untuk melintas jalan dengan selamat.”

~ Road Safety Council, United Kingdom ~






Pengenalpastian jenis kenderaan yang bersesuaian adalah diperlukan sewaktu merangka program lawatan. Dapatkan nasihat daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan seperti Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Laut, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Kesihatan dan lain-lain dalam menentukan jenis pengangkutan peserta program dan/atau barangan bahaya.

Jenis kenderaan yang digunakan hendaklah melalui penilaian risiko terlebih dahulu dan hendaklah mementingkan aspek-aspek berikut :-

- Memastikan setiap kenderaan adalah selamat dan layak dipandu (*road worthy*) dan mempunyai permit yang sah (terutama sekali bagi kenderaan bas);
- Keselamatan penumpang;
- Kompetensi dan latihan yang telah dilalui oleh pemandu kenderaan seperti kusus *Defensive Driving*;
- Jumlah jam pemanduan;
- Kapasiti dan pengalaman pemandu untuk mengekalkan tumpuan pemanduan;
- Jika perjalanan adalah melebihi 300Km atau melebihi tempoh empat (4) jam perjalanan, pemandu kedua adalah diperlukan bagi mengelakkan keletihan;
- Jenis perjalanan (tempatan atau perjalanan jauh yang melibatkan lintas batas ke negeri jiran);
- Keadaan trafik;

- Tidak melebihi had penumpang dan had muatan;
- Dana kontingensi dan pengurusan jika sekiranya terjadi kecemasan atau kemalangan;
- Perlindungan insurans;
- Cuaca;
- Pengawasan, dan;
- Tempat persinggahan bagi perjalanan jauh.



PERJALANAN DARAT

Berikut adalah langkah kawalan yang boleh digunakan bagi mengurangkan risiko dan memastikan keselamatan semasa menggunakan perjalanan darat:-

- Bawa peti pertolongan cemas dan alat pemadam api di dalam kenderaan pada setiap masa;
- Ketahui laluan perjalanan dan gunakan aplikasi seperti *Google Map* atau sistem *Global Positioning System (GPS)* jika perlu;
- Pastikan terdapat bilangan pemandu yang diiktiraf dan mencukupi untuk perjalanan jauh bagi membolehkan pemandu-pemandu mendapatkan rehat yang optima;
- Adalah juga disarankan bagi pemandu-pemandu yang terlibat dalam aktiviti ini seboleh-bolehnya mengikuti kursus *Defensive Driving* dan menjalani pemeriksaan kesihatan dari masa ke semasa (termasuk pemeriksaan penglihatan);

- Pastikan kenderaan tidak melebihi had tumpangan. Pastikan penumpang tidak berdiri di dalam kenderaan yang bergerak terutama sekali sewaktu berjalan di atas jalan raya yang rosak dan tidak rata kecuali di dalam pengangkutan awam yang khusus seperti bas;
- Untuk keselamatan penumpang-penumpang, pastikan tali kaledar keselamatan digunakan pada setiap masa di sepanjang perjalanan sehingga menerima isyarat daripada pemandu;
- Elakkan memandu di antara tengah malam dan jam 6.00 pagi. Pemandu harus berhati-hati di kawasan tertentu dan sebolehnya hanya memandu pada waktu siang;
- Tidak memandu apabila mengambil perubatan yang boleh menjejaskan konsentrasi memandu (menyebabkan mengantuk dan seumpamanya);
- Mematuhi garis pandu dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa;
- Jika kenderaan yang digunakan mengusung sebuah treler, pastikan lampu isyarat dan lampu brek berfungsi dengan baik;
- Jika bergerak secara berkumpulan, peserta seharusnya dapat berkomunikasi di antara sesama sendiri atau menetapkan suatu tempat sebagai tempat perkumpulan jika ada kenderaan yang sesat;

- Peralatan yang berat dan besar seperti tong gas hendaklah dipastikan selamat ditempatkan di dalam kenderaan pengangkutan umpamanya dengan memasang jaring supaya peralatan tersebut kukuh penempatannya, dan;
- Pastikan aspek-aspek teknikal kenderaan berfungsi dengan baik seperti brek, tayar, bateri dan lain-lain.

PERJALANAN MENGGUNAKAN BOT / TEMUAI

Program lawatan mungkin memerlukan pengangkutan melalui sungai, laut dan sebagainya. KPLA perlu menilai keperluan pengangkutan yang diperlukan dan pastikan peserta program telah menjalani latihan yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti yang telah dirancang, mengetahui bahaya yang terlibat dengan aktiviti tersebut serta keperluan keselamatannya seperti mengetahui lokasi *escape route*, tidak membawa barang merbahaya dan seumpamanya.

Bot/Temui tersebut hendaklah mempunyai peralatan-peralatan keselamatan seperti berikut :-

- Alat-alat pelampung;
- Peti Kecemasan, manual penggunaannya dan lokasi penyimpanannya;
- Tali;
- Alat pemadam api - lokasi penyimpanan dan tatacara pemakaian;



- Manual pelan kecemasan;
- Isyarat / penanda kecemasan seperti *distress flares*;
- Jaket keselamatan bagi setiap penumpang dan dipakai pada setiap waktu;
- Peta nautika atau GPS;
- Telefon bimbit, telefon satelit atau radio marin;
- Senarai semak sebelum menaiki bot / temuai, dan;
- Lampu (*Beacon*).

Pemandu bot / temuai hendaklah juga dipastikan:

- Tidak memandu apabila mengambil perubatan yang boleh menjejaskan konsentrasi memandu (menyebabkan mengantuk dan seumpamanya);
- Mematuhi garis pandu dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa, dan;
- Menjalankan pemeriksaan kesihatan dari masa ke semasa (termasuk pemeriksaan penglihatan).

PENGANGKUTAN MELALUI UDARA (HELIKOPTER / KAPAL TERBANG)

Program lawatan mungkin memerlukan pengangkutan melalui udara. Peserta adalah dikehendaki untuk mengamati dan mematuhi syarat-syarat dan keperluan tempatan dan antarabangsa bagi memastikan kesihatan dan keselamatan peserta dan peserta yang di bawah tanggungannya adalah terjamin.

BAS DI LUAR KAWASAN SEKOLAH

Apabila pelajar-pelajar sekolah / maktab / IPT merentasi jalan untuk menuju ke kawasan sekolah, perhatian yang khusus hendaklah diberikan kepada aspek keselamatan pelajar-pelajar tersebut. Hanya polis mempunyai kuasa undang-undang untuk mengawal trafik. Bagi yang memikul tanggungjawab untuk memastikan pelajar merentas jalan dengan selamat dikehendaki untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan munasabah dan dengan sebaik-baik yang boleh.

Kebanyakan kumpulan pelajar (terutama pelajar sekolah rendah) mungkin memerlukan lebih daripada seorang dewasa untuk mengawasi pelajar-pelajar tersebut merentasi jalan.

TALI PINGGANG KELEDAR

Tali pinggang keledar hendaklah digunakan dan dipasang apabila menggunakan kenderaan. Ia merupakan tanggungjawab pemandu kenderaan tersebut untuk mengingatkan penumpang akan perkara-perkara berikut :

- Bagi penumpang berumur di bawah tiga (3) tahun untuk menggunakan tali pinggang keledar yang bersesuaian;
- Berkelakuan baik dan munasabah;
- Tempat dan pelan evakuasi jika sekiranya terjadi kecemasan kemalangan.

Bahagian HSSE menyarankan agar setiap sekolah / maktab / IPT memaklumkan dasar sekolah / maktab / IPT kepada para pelajar jika sekiranya mereka tidak memasang tali pinggang keledar memandangkan perkara ini bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada diri mereka sendiri tetapi juga kepada orang lain.

OFF-ROAD DRIVING


Berhati-hati dengan bahaya yang disebabkan oleh jalan raya yang rosak dan tidak rata seperti berikut :-

1. Binatang (lembu, rusa, kerbau dan lain-lain) terutamanya pada waktu malam;

2. Batu, kayu balak dan lain-lain yang boleh mendatangkan kerosakan pada kenderaan;
3. Tanah lumpur, jalan licin, tanah tidak rata dan lain-lain;
4. Sentiasa peka melalui jalan sewaktu berlaku ribut petir, dan;
5. Jika merancang melalui kawasan pedalaman, bawalah bersama peralatan *survival* seperti *sleeping bag* dan makanan yang mencukupi.



KEMALANGAN DAN PELAN KECEMASAN



Pelan kecemasan merupakan salah satu komponen penting apabila merancang sesebuah aktiviti lawatan. Ia harus dinyatakan dengan jelas dan secara bertulis bagi setiap aktiviti lawatan. Sediakan pelan kecemasan bagi lokasi di luar negara yang akan dilawati sewaktu melaksanakan program lawatan. Pelan kecemasan tersebut perlu menitikberatkan prosedur evakuasi (*evacuation*), komunikasi, klinik, dan pusat kesihatan yang berdekatan dan *contact* (terutama sekali apabila melawat ke tempat atau kawasan pedalaman).

Perkara-perkara berikut juga perlu diambil kira di dalam penyediaan pelan kecemasan:-

1. Kontak informasi tempatan (seperti Polis, Ambulans dan Bomba serta Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Besar / Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di luar negeri). Sebelum memulakan sebarang aktiviti, hendaklah mendapatkan nombor-nombor penting jika terjadi sebarang kecemasan. Kontak informasi berkenaan hendaklah dimasukkan ke dalam jadual program aktiviti dan perlu dimaklumkan maklumat perhubungan andainya peserta-peserta aktiviti tidak balik pada waktu yang ditetapkan. Senaraikan lokasi dan informasi klinik dan pusat kesihatan yang berdekatan jika terjadinya kecemasan.
2. Sediakan senarai keperluan komponen-komponen seperti kecemasan. Keperluan mungkin berlainan bergantung kepada kondisi, situasi dan risiko di mana program lawatan tersebut dijalankan.



3. Senaraikan keperluan keselamatan untuk program lawatan seperti berikut :-

- Peti pertolongan kecemasan berserta manualnya (LAMPIRAN 6);
- Perubatan yang sering diambil;
- Perubatan bagi alahan;
- Sunblock;
- Water Purification Tablet / Filter Devices;
- Lampu suluh;
- Isyarat / penanda kecemasan seperti *distress flare*;
- Bateri tambahan;
- Kad sim jika berada di luar negeri. Peserta dikehendaki untuk memaklumkan ibu bapa / penjaga nombor telefon berkenaan setelah kad sim tersebut diaktifkan;
- Telefon satelit / *walkie talkie*, dan;
- Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) seperti jaket keselamatan, pelindung wajah, sarung tangan, kasut yang sesuai, topi keledar keselamatan dan lain-lain).




4. Pelan dan prosedur tindakan kecemasan.
5. Lantik seorang peserta di kalangan peserta-peserta aktiviti untuk bertanggungjawab bagi hal ehwal pertolongan cemas (*first aider*). Lantik sekurang-kurangnya seorang lagi peserta sebagai simpanan / pembantu, atau lantik beberapa orang peserta aktiviti untuk bertanggungjawab dalam pertolongan cemas jika sekiranya program lawatan diadakan di beberapa tempat dan lokasi. *First aider* berkenaan hendaklah dilatih di dalam bidang *first aid*, CPR dan berkebolehan untuk mengenal pasti situasi kecemasan.
6. Ambil maklum jika peserta aktiviti mempunyai keperluan perubahan yang khusus dalam persediaan sewaktu kecemasan seperti keperluan bagi penyakit asma, alahan, penyakit darah tinggi, penyakit kencing manis dan lain-lain.
7. Pastikan peserta aktiviti mempunyai insurans termasuk perlindungan kecemasan apabila aktiviti dijalankan di luar negara.
8. Kakitangan yang mengikuti aktiviti lawatan di luar negara hendaklah mematuhi syarat dan garis panduan Kementerian Pendidikan bagi perjalanan ke luar negeri:-



- Senaraikan kontak informasi tempatan seperti Polis, Bomba dan Penyelamat, Perkhidmatan Perubahan Kecemasan, Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Besar / Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di luar negeri, Ketua Kampung di mana aktiviti dijalankan dan lain-lain.

- Pastikan setiap peserta membawa senarai kecemasan tersebut pada setiap masa.
- Aktiviti lawatan seharusnya menggunakan *buddy system* di mana setiap perkumpulan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua orang terutama sekali dalam situasi kecemasan.
- Pastikan setiap peserta membawa pengenalan diri yang bergambar seperti IC pada setiap masa. Jika membawa pelajar yang di bawah umur 12 tahun, sediakan pas badan yang bukan sahaja mengandungi maklumat peribadi pelajar tetapi juga nombor telefon KPLA yang mudah dihubungi. Perkara ini adalah sebagai satu langkah berjaga-jaga sekiranya pelajar tersebut hilang.
- Lantik dua atau tiga peserta bagi menemani peserta yang tercedera ke klinik atau hospital. Tugas peserta tersebut adalah untuk memberi maklumat terkini serta sejarah perubatan mengenai peserta yang tercedera tersebut kepada KPLA dan juga Kementerian Pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Peserta-peserta berkenaan hendaklah juga mengetahui maklumat dan nombor perhubungan yang relevan.



- Kakitangan yang akan ke luar negara dikehendaki untuk mengetahui maklumat mengenai agensi-agensi kerajaan dan nombor perhubungan agensi-agensi berkenaan jika sekiranya berlaku kecemasan. Senarai Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Besar / Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di luar negeri bolehlah didapati daripada laman web Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam di alamat berikut :-

<http://www.mofat.gov.bn/index.php.diplomatic-missions>

JIKA TERJADI INSIDEN YANG TIDAK DIINGINI

Adalah menjadi tanggungjawab sekolah / maktab / institusi pengajian tinggi untuk berkongsi maklumat-maklumat yang relevan termasuk aktiviti, lokasi, tarikh, masa, keramaian rombongan dan maklumat peribadi peserta dengan agensi-agensi yang berkenaan seperti Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Besar / Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di luar negeri jika program lawatan dijalankan di luar negeri atau kepada pihak Polis Renjer dan Jabatan Perhutanan jika program dilaksanakan di dalam negeri.

Situasi kecemasan boleh saja terjadi pada bila-bila masa. Oleh itu, setiap peserta program hendaklah mengetahui pelan kecemasan yang telah disediakan dan ditetapkan oleh KPLA sebelum memulakan aktiviti program. Jika terjadi insiden yang tidak diinginkan, PALS B dan setiap KPLA hendaklah mempunyai senarai semak (*checklist*) untuk tindakan pantas jika terjadinya kecemasan / kemalangan. Senarai semak tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:-

1. Maklumkan orang lain dengan segera! Bersikap tenang dan berasa awas dengan persekitaran;
2. PALS B / KPLA merupakan *focal person* jika sekiranya terjadi kecederaan / kemalangan;
3. Pastikan setiap peserta program selamat. Jika terjadi kecederaan, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.



Hubungi Ambulans, Polis, dan Bomba dan Penyelamat jika diperlukan.

Maklumkan agensi-agensi yang disebutkan di atas perkara-perkara berikut:-


- Lokasi peserta program yang tercedera;
- Keramaian peserta yang tercedera;
- Keadaan Kenderaan;
- Waktu Kecederaan;

- Jika peserta yang tercedera memerlukan pengusung (*stretcher*);
 - Nama PALS / KPLA dan nombor telefon yang mudah dihubungi.
4. Arahkan seseorang untuk menunggu bantuan kecemasan di pintu / kawasan yang berdekatan;
 5. Jika memberikan bantuan kecemasan :-
 - Dapatkan kebenaran daripada mangsa, jika boleh;
 - Pastikan nyawa orang yang memberikan bantuan tidak terjejas, dan;
 - Orang yang memberi bantuan kecemasan hendaklah berkemahiran (sekurang-kurangnya dalam kemahiran (*First Aid*) di dalam memberi rawatan dan mengetahui bahaya-bahaya terbabit.
 6. Maklumkan sekolah / maktab / institusi pengajian tinggi mengenai insiden tersebut. Ahli Jawatankuasa HSSE di sekolah / maktab / institusi pengajian tinggi hendaklah sentiasa mudah dihubungi (*accessible*) melalui telefon pada setiap masa sewaktu aktiviti lawatan dijalankan. Maklumat tersebut hendaklah mengandungi butir-butir seperti berikut :-
 - Lokasi dan waktu kejadian;
 - Keramaian dan nama peserta yang tercedera;
 - Maklumat kejadian dan langkah-langkah yang telah diambil;
 - Keperluan bagi mendapatkan bantuan lanjut;
 - Bagaimana KPLA boleh dihubungi, dan;
 - Bagaimana untuk memaklumkan ahli keluarga terdekat peserta yang tercedera.
 7. Maklumkan Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Besar / Konsul Agung Negara Brunei Darussalam jika aktiviti program dilaksanakan di luar negeri.
 8. Sebarang perhubungan dengan pihak media hendaklah diselaraskan dengan Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan. KPLA ditegah sama sekali untuk memberikan sebarang maklumat mengenai kejadian / insiden berkenaan termasuk mendedahkan nama mangsa yang terlibat. Kesedaran dan akauntabiliti dalam menyalurkan maklumat mengenai kejadian/insiden yang tidak diingini hendaklah dirujuk terlebih dahulu ke pihak atasan yang berkenaan. Ini termasuklah penggunaan media-media sosial yang lain seperti Facebook, Twitter, Instagram, Whatsapp dan seumpamanya.
 9. Jika kejadian tersebut dikategorikan sebagai serius, di mana ianya melibatkan pelajar mengalami trauma, perkara ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan bagi membantu memberikan nasihat profesional dan khidmat kaunseling.

PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN PERTOLONGAN CEMAS

Sebarang kecederaan hendaklah dilaporkan dengan segera oleh *first aider* yang dipertanggungjawabkan. *First aider* tersebut hendaklah membuat keputusan jika peserta program memerlukan pertolongan kecemasan di hospital berhampiran atau evakuasi kecemasan diperlukan jika kecederaan tidak dapat ditangani di tempat kejadian. Jika peserta memerlukan pertolongan kecemasan, *first aider* tersebut hendaklah menghubungi Talian Kecemasan 991 dengan segera.

Apabila perlu, persuratan secara bertulis hendaklah dihadapkan kepada Kementerian Kesihatan terlebih dahulu sebelum program lawatan dilaksanakan bagi mendapatkan bantuan kakitangan paramedik untuk memberi bantuan perubatan di sepanjang aktiviti dijalankan dan kemudahan bagi rawatan perubatan kecemasan.



Peti pertolongan kecemasan adalah diperlukan bagi setiap aktiviti luar. Ketua Program adalah dipertanggungjawabkan untuk membeli dan memelihara peti pertolongan kecemasan (*mobile first aid kit*) dengan memastikan ia adalah dalam keadaan teratur. Pusat Resusitasi Kebangsaan, Kementerian Kesihatan bolehlah dirujuk untuk memastikan peti pertolongan cemas yang ada adalah mematuhi piawaian dan kehendak HSE dan untuk mengikuti kursus Asas Pertolongan cemas.

Gigitan, sengatan atau kecederaan yang disebabkan oleh serangga / haiwan boleh menyebabkan luka dan seterusnya mendedahkan kepada pencemaran (*infection*). Laksanakan prosedur pertolongan cemas dengan segera dan laporkan kepada KPLA dengan serta merta. Jika peserta program jatuh sakit seperti demam atau mempunyai simptom-simptom jangkitan selepas menangani haiwan, maklumkan *first aider* atau doktor perubatan tempatan.

Jika kecederaan tersebut memerlukan peserta untuk ditahan secara bermalam di hospital atau terjadi kemalangan jiwa, KPLA hendaklah memaklumkan Bahagian HSSE mengenai perkara tersebut dengan segera. Kejadian tersebut perlu didokumentasikan bagi memastikan prosedur perubatan yang teratur dilaksanakan dan jika perlu, ianya akan digunakan bagi tuntutan insurans bagi peserta tersebut.

MELAPORKAN KECEDEeraan DAN KEMALANGAN

Setiap kemalangan dan kejadian yang tidak diingini hendaklah disiasat bagi mengetahui punca kejadian dan penyebabnya. Pasukan siasatan adalah terdiri daripada wakil Bahagian HSSE, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Jabatan Sekolah-Sekolah atau mana-mana pihak yang berkepentingan.

Perkara-perkara berikut hendaklah dilaporkan:


- Kemalangan jiwa;
- Kecederaan serius;
- Kemalangan yang menyebabkan peserta program tidak berdaya selama lebih tiga (3) hari berturut-turut, dan;
- Kemalangan yang menyebabkan peserta program dan Guru Pengawas dihantar dari tempat kemalangan ke hospital;

PALSB dan KPLA adalah dikehendaki untuk menyediakan laporan mengenai kejadian tersebut. Sekembalinya peserta program dari program lawatan, kejadian tersebut hendaklah dilaporkan kepada Bahagian HSSE. Setiap kecederaan yang memerlukan pertolongan kecemasan hendaklah didokumentasikan dalam Buku Log Pertolongan Cemas (*First Aid Log Book*).

WASPADA TERHADAP KEBAKARAN (*FIRE PRECAUTION*) DAN KAWALAN KESELAMATAN

Jika aktiviti lawatan melibatkan persinggahan untuk bermalam di tempat penginapan, PALSB atau KPLA hendaklah membiasakan diri dengan susun atur bangunan dan persekitarannya. KPLA juga hendaklah memastikan terdapat cara tertentu untuk evakuasi. Pertimbangkan latihan kebakaran (*fire drill*) ketika tiba di tempat penginapan.






SYARIKAT PELANCONGAN


MERANCANG AKTIVITI LAWATAN SAMBIL BELAJAR

Tidak ada yang menghalang sekolah / maktab / IPT untuk merancang aktiviti lawatan sambil belajar. Sungguhpun demikian, setiap aktiviti lawatan hendaklah dikaji dan diteliti sebelum memulakannya, terutama sekali bagi aktiviti lawatan sambil belajar yang dilakukan di luar negeri. KPLA yang merancang aktiviti lawatan ini hendaklah mempunyai pengalaman dalam hal ini.



Untuk menjadi seorang penganjur aktiviti / lawatan, sekolah / maktab / IPT disarankan untuk membeli pakej perkhidmatan seperti tiket penerbangan, feri, bilik hotel dan lain-lain terus daripada syarikat yang menawarkan perkhidmatan tersebut.

Bahagian HSE menasihatkan agar setiap sekolah / maktab / IPT menyediakan dokumen dan penerbitan yang bersangkutan paut dengan aktiviti lawatan tersebut sebagai sumber rujukan untuk peserta dan ibu bapa / penjaga. Perhatian yang khusus hendaklah diberikan kepada maklumat-maklumat kecil (*small print*) yang terkandung di dalam pelan perlindungan insurans dan brosur (*brochures*).




PUSAT AKTIVITI LUAR

Bagi aktiviti luar yang melibatkan aktiviti sukan yang lasak seperti berkayak, *rock climbing*, *para-sailing* dan lain-lain, pastikan syarikat / agensi yang menawarkan perkhidmatan berkenaan mempunyai lesen yang sah untuk beroperasi. Di antara perkara-perkara yang perlu dikenal pasti adalah seperti berikut :-

- Kelayakan dan kompetensi kakitangan;
- Saluran tanggungjawab pengurusan keselamatan (*lines of responsibility for safety management*);
- Pengawasan;
- Prosedur kecemasan dan kemalangan;
- Kondisi dan kesesuaian peralatan yang disediakan;
- Meneliti keselamatan diadakan dari masa dan semasa;
- Membawa air bersih yang mencukupi;
- Melakukan aktiviti secara berkumpulan;
- Memastikan status kesihatan adalah di tahap baik;
- Memakai pakaian yang bersesuaian;
- Menggunakan khemah atau mengamalkan tidur di bawah kelambu dan menggunakan *insect repellent* bagi mengelak gigitan binatang dan serangga seperti nyamuk;
- Memeriksa dan memastikan peralatan yang diperlukan dalam kondisi baik dan berfungsi dengan sempurna, dan;
- Mengetahui tahap cuaca dan suhu.





AMALAN-AMALAN BAIK

1. KAJI DESTINASI AWDA

Ketahui destinasi awda, pastikan tempahan kenderaan disahkan, pilihan tempat letak kereta, peraturan, tempat pertemuan, kawalan keselamatan dan lain-lain. Pertimbangkan juga impak fasiliti-fasiliti yang disediakan terhadap peserta program dan Guru Pengawas terutama sekali bagi pelajar yang berkeperluan khas. Jika boleh, KPLA hendaklah melawat lokasi program tersebut terlebih dahulu. Ambil gambar dan kongsi kepada peserta-peserta program mengenai bahaya dan risiko yang mungkin dihadapi sewaktu aktiviti lawatan dilaksanakan serta tetapkan langkah kawalan bagi mengawal risiko berkenaan.

2. DAPATKAN KEBENARAN IBU BAPA / PENJAGA SECARA BERTULIS

Dapatkan kebenaran daripada ibu bapa/penjaga lebih awal daripada tarikh perjalanan aktiviti. Bawa surat kebenaran tersebut berserta nombor perhubungan ibu bapa/penjaga. Meneliti borang bagi pelajar yang menghidap alahan, bagi pelajar berkeperluan khas atau yang memerlukan rawatan perubatan.



3. TAKLIMAT KESELAMATAN

Beri peringatan kepada peserta program mengenai isu-isu keselamatan yang perlu dipatuhi. Ingatkan mereka untuk tidak menolong orang yang kehilangan haiwan peliharaan (*pets*), mencari orang yang hilang, jangan mengambil barang daripada orang yang tidak dikenali, jangan sewenang-wenangnya memberitahu orang yang tidak dikenali maklumat peribadi seperti nama, umur, tempat tinggal dan lain-lain.

4. TAKLIMAT PRA BELAYAR (PRE-DEPARTURE BRIEFING)

Bagi aktiviti lawatan keluar negeri, adalah disarankan untuk memberikan sesi taklimat pra belayar bagi semua peserta program termasuk guru pengawas dan ibu bapa / penjaga mengenai etika dan hal ehwal ketika berada di luar negeri. Taklimat tersebut hendaklah mengandungi maklumat-maklumat seperti *do's and don'ts* ketika berada di lapangan terbang, penggunaan telefon bimbit, perlindungan insurans, tugas dan tanggungjawab Guru Pengawas, prosedur operasi standard jika kehilangan bagasi, ketinggalan pesawat dan sebagainya.

5. MAKANAN

Pastikan makanan yang disediakan atau dibeli untuk aktiviti lawatan ini memenuhi keperluan peserta program dengan munasabah seperti aspek kehalalannya, alergi, *lactose intolerance*, *glucose intolerance* dan lain-lain keperluan. Pastikan peserta program mempunyai akses terhadap minuman bagi mengelakkan masalah dehidrasi.

6. BAWA GAMBAR PENGENALAN DIRI DAN SALINAN DOKUMEN PERJALANAN

Pertimbangkan untuk membawa gambar pengenalan diri pelajar sekolah seperti pas badan bergantung (terutama sekali jika pelajar berumur di bawah 7 tahun). Jika ianya tidak menjejaskan keselamatan pelajar, pertimbangkan untuk meletakkan nombor telefon sekolah/ Guru Pengawas / ibu bapa / penjaga pelajar tersebut. Perkara ini adalah sebagai langkah berjaga-jaga jika sekiranya pelajar tersebut tercerai daripada kumpulan lawatan.

Peserta program adalah juga disyorkan untuk membawa salinan bergambar dokumen perjalanan seperti salinan paspot dan visa sebagai langkah berjaga-jaga dalam menghadapi sebarang insiden seperti kecurian, keciciran atau kehilangan dokumen perjalanan asal.

7. GURU PENGAWAS DAN KOMUNIKASI

Pelan dan rancang kaedah komunikasi di antara pelajar dan Guru Pengawas jika terjadi sesuatu kecemasan / kemalangan.

8. PERINGATAN BUAT IBU BAPA / PENJAGA

Beri peringatan kepada ibu bapa / penjaga sehari sebelum aktiviti lawatan sambil belajar diadakan mengenai waktu bertolak, waktu dijangka tiba, keperluan-keperluan yang perlu dibawa (contoh : pasport, *sunblock*, keperluan peribadi dan lain-lain).

9. SENTIASA BERSEDIA

Bawa peti pertolongan kecemasan (*mobile first aid kit*), pelan kecemasan, pelan perlindungan insurans dan lain-lain.

10. GUNAKAN TEKNOLOGI UNTUK MENINGKATKAN KESELAMATAN

Gunakan teknologi yang ada untuk meningkatkan keselamatan. Pastikan telefon bimbit awda dicas, mempunyai bateri simpanan atau *power bank* dan nombor telefon penting seperti ambulans, bomba dan penyelamat, polis di Negara Brunei Darussalam dan negeri yang dilawati diprogramkan ke dalam telefon awda.

11. MOTIVASI

Peserta diberikan program dan aktiviti motivasi sebelum perjalanan, contohnya :

- **Kemahiran membuat keputusan**
Jikalau berlaku sesuatu yang memerlukan Guru Pengawas dan peserta membuat keputusan serta merta, kemahiran membuat keputusan ini boleh diaplikasikan.

- **Konsep sendiri**

Peserta bersedia menghadapi cabaran dan situasi sepanjang aktiviti lawatan dengan cara pengukuhan konsep sendiri.

12. DOA

Adalah menjadi hasrat kita semua agar setiap aktiviti yang akan kita lakukan adalah dalam keadaan aman dan selamat. Di samping usaha kita untuk memastikan bahawa setiap aktiviti yang dirancang adalah dalam keadaan selamat dari segenap aspek sayugialah kita memulakan setiap perjalanan dan aktiviti dengan doa, memohon daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar kita semua sentiasa dilindungi, jauh dari segala kesusahan dan sentiasa berada dalam keadaan selamat serta sejahtera hendaknya.



Rujukan

1. *Taking Students Off Site*, The Education Union, Legal Advice Series, United Kingdom;
2. *Health and Safety of Pupils on Educational Visits*, Crown Copyright, DfES Publications, Suffolk, United Kingdom;
3. *Panaga School : Health and Safety Policy Plan*;
4. *UBD Safety & Health Manual for Study / Field Trips*, Universiti Brunei Darussalam;
5. *Buku Panduan Asas Kecemasan dan Keselamatan Awam*, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Edisi 2013, dan;
6. *Garis Panduan bagi Pengenalan Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)*, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia, Malaysia, 2008.

PENGHARGAAN

Pejabat Peguam Negara
Jabatan Perdana Menteri

Pasukan Polis Diraja Brunei
Jabatan Perdana Menteri

Jabatan Protokol dan Hal Ehwal Konsular
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Kementerian Pendidikan

Jabatan Sekolah-Sekolah
Kementerian Pendidikan

Jabatan Pendidikan Kokurikulum
Kementerian Pendidikan

